

22/01/2001

Nasihat pemimpin Pusat perlu diberi perhatian: Khalil

KUALA TERENGGANU, Ahad - Semua pemimpin Umno yang masih aktif dan mampu menerajui Umno bahagian dengan berkesan tidak sewajarnya ditentang untuk diganti pemimpin baru dalam pemilihan parti tahun ini.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata cadangan untuk melakukan perubahan di bahagian Umno hendaklah mengambil kira banyak faktor, bukan kerana usia atau lama seseorang itu menerajui bahagian atau menjadi wakil rakyat.

Menurutnya, keputusan untuk membuat perubahan banyak bergantung kepada ahli Umno di bahagian kerana mereka yang lebih tahu menilai keberkesanan seseorang pemimpin bahagian masing-masing.

Katanya, sebelum seseorang calon itu bertanding menentang mana-mana ketua bahagian, adalah lebih baik mereka mengadakan rundingan awal bagi mengelak pertandingan kerana tindakan itu boleh menjejaskan kekuatan parti.

"Mereka perlu mengambil iktibar terutama nasihat pemimpin Umno, termasuk Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, supaya tidak terlalu ghairah bertanding merebut jawatan di peringkat bahagian," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan anggota Jabatan Penyiaran Kawasan Timur, Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Khas negeri di RTM Kawasan Timur, di sini hari ini.

Timbalan Pengerusi Badan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh dan Setiausaha Umno negeri, Datuk Ismail Said, hadir sama di majlis itu.

Mohd Khalil, yang juga Menteri Penerangan berkata, nasihat pemimpin Umno Pusat perlu diberi perhatian kerana mereka tidak mahu melihat Umno bergolak.

"Ahli Umno harus faham kerana Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai pendekatan termasuk yang menang tidak semestinya secara automatik akan dipilih bertanding dalam pilihan raya umum dan menjadi wakil rakyat.

"Jika seseorang pemimpin itu masih diperlukan ahli, tidak ada sebab ia perlu berundur dan diganti dengan pemimpin baru," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tan Sri Ramli Ngah Talib menyifatkan saranan Abdullah supaya tidak keterlaluan berkempen menjelang pemilihan jawatan peringkat bahagian Mac ini sebagai ingatan ikhlas dan wajar dipatuhi.

Ramli berkata, kempen berlebihan bukan saja menimbulkan suasana tegang malah hubungan sesama ahli menjadi renggang.

"Suasana negatif itu tidak harus diundang kerana ia bukan saja merugikan ahli malah menjejaskan kestabilan parti," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri Umno bahagian Pasir Salak di sini, hari ini.

(END)